



MENGGUNAKAN PLATFORM E-DAGANG SHOPEE SEBAGAI PLATFORM PERNIAGAAN

Mohammad Noorizuddin bin Nooh

A. PENGENALAN

Perniagaan adalah sumber pendapatan dan sesetengah masyarakat menjadikan perniagaan sebagai sumber pendapatan utama peribadi dan keluarga. Perniagaan boleh dijalankan secara fizikal dan juga menggunakan platform atas talian sebagai medium utama transaksi perniagaan. Di Malaysia, terdapat banyak platform atas talian yang boleh digunakan untuk memulakan perniagaan. Platform atas talian ini sudah lebih sedekad berada di Malaysia. Shopee adalah merupakan salah satu platform e-dagang yang mula mendapat tempat di hati peniaga atas talian di Malaysia. Shopee menawarkan berbagai produk pada harga yang sangat murah dan berpatutan. Hampir apa sahaja produk yang anda inginkan dapat ditemui disini. Ia juga sangat mudah buat pembeli dan penjual untuk melakukan transaksi kerana ia mempunyai sistem yang sangat mesra pengguna dan selamat untuk kedua-dua belah pihak.

B. OBJEKTIF

Shopee ialah platform E-Dagang yang beribu pejabat di Singapura di bawah Sea Group yang ditubuhkan pada tahun 2009 oleh Forrest Li. Platform dilancarkan di Singapura pada tahun 2015, dan sejak diperluas jangkauannya ke Malaysia, Thailand, Taiwan, Indonesia, Vietnam dan Filipina. Ia memberi pengguna di Asia Tenggara dan Taiwan untuk membeli dan menjual produk dalam talian. Shopee pertama kali mula sebagai pasaran pengguna-ke-pengguna (C2C) tetapi telah berpindah ke kedua-dua model hibrid C2C dan perniagaan-ke-pengguna (B2C). Berbanding dengan pesaingnya, Shopee tidak mengenakan yuran/komisen penjual dan yuran penyenggaraan.

Adalah diharapkan agar pada akhir modul ini, peserta akan:

1. Mula menggunakan platform Shopee untuk mula menjual produk dan perkhidmatan
2. Mermbuat persediaan kedai atas talian dan memasarkan kedai kepada bakal pelanggan
3. Memberi kefahaman mengenai cara untuk mengurus pesanan
4. Menguruskan kewangan hasil dari jualan atas talian

C. HASIL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Peserta dapat :

- i. Mengetahu alternatif selain dari menjual di kedai fizikal
- ii. Membuka pasaran kepada khalayak yang lebih luas

D. KATA KUNCI

- Shopee
- Perniagaan atas talian

E. SASARAN PESERTA

- Terbuka kepada peserta yang berminat menceburkan diri dalam perniagaan
- Minimum 30 orang

F. TEMPOH MASA PERLAKSANAAN

Jumlah masa yang diperuntukkan adalah 2 jam (120 minit).

G. BAHAN-BAHAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- Komputer riba / Telefon pintar
- Nota rujukan

H. KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

No.	Aktiviti	Kaedah pelaksanaan aktiviti	Masa
1.	Syarah	Ceramah	30 minit
2.	Perbincangan dalam kumpulan	5 org dlm 1 kumpulan	60 minit
3.	Sumbang saran dan soal jawab	Pembentangan daripada peserta dan soal jawab dengan penceramah dan kumpulan peserta yang lain.	30 minit
4.	Rumusan	Ulasan daripada hasil pembelajaran dan objektif kursus	5 minit

I. PERLAKSANAAN AKTIVITI

HURAIAN PERLAKSANAAN AKTIVITI

Aktiviti 1	<ol style="list-style-type: none">Syarah mengenai cara-cara memulakan perniagaan di Shopee daripada penceramah yang pakar dalam bidang tersebut.Soal jawab mengenai modul yang terkandung dalam ShopeeBahan syarahan akan dibekalkan kepada peserta
Aktiviti 2	<ol style="list-style-type: none">Peserta diminta untuk berbincang secara sumbang saran dalam kumpulan.Bahan aktiviti akan dibekalkan kepada peserta
Aktiviti 3	<ol style="list-style-type: none">Wakil setiap kumpulan dikehendaki membentangkan dapatan mereka berkenaan contoh yang telah diberikan di dalam Nota rujukanWakil kumpulan diminta untuk memberi maklum balas mengenai pembentangan daripada kumpulan pembentang.

J. PENILAIAN

PEMBAHAGIAN PENILAIAN		
No.	Perkara	Pembahagian penilaian
1.	Displin dan pengurusan masa	20%
2.	Kerja berpasukan	10%
3.	Komunikasi/interaksi	10%
4.	Moral dan etika	30%
6.	Pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah	30%
Jumlah		100%

Profil



MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH, adalah pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan juga memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, USIM Tjjarah Holdings Sdn Bhd. Bidang kepakaran dan minat penyelidikannya adalah penjenamaan, pemasaran, keusahawanan, etika dan model perniagaan. Selain daripada itu, beliau juga terlibat aktif dalam pelbagai program keusahawanan yang telah libatsama dengan universiti awam dan swasta, kolej komuniti, politeknik serta agensi kerajaan. Beliau juga aktif dengan program kemasyarakatan dan telah dilantik mulai Februari 2020 sebagai Ahli Pemegang Amanah Yayasan Genius Malaysia (dahulu dikenali sebagai Yayasan Permata). Selain itu beliau juga merupakan Presiden Pertubuhan Cakna untuk Insan Terbilang Malaysia (CUIT Malaysia). Beliau pernah bertugas sebagai Timbalan Pengarah di Pejabat Perdana Menteri dan juga merupakan mantan Ahli Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia (dahulu dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia) selama dua penggal.